

# Penubuhan Institut Pemikiran Dr. Mahathir perlu jadi tanggungjawab kebangsaan

UM 23 JUN 2003  
SELAYANG 22 Jun - Penubuhan Institut Pemikiran Dr. Mahathir perlu dijadikan tanggungjawab kebangsaan di mana sektor awam dan swasta perlu terlibat sebagai penghargaan kepada tokoh kebangsaan negara.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini pernah membincangkan idea berkenaan dan mencadangkan supaya pihak swasta diberi tanggungjawab bagi penubuhan institut tersebut.

“Saya pernah bincang dengan Pak Lah dan dia cadangkan supaya swasta yang memainkan peranan tetapi saya rasa biarlah semua pihak terlibat sebagai tanda terima kasih kepada Perdana Menteri,” kata kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Keluarga agensi-agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di sini hari ini.

Penubuhan institut berkenaan telah dicadangkan oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed ketika membahaskan ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UM-

NO ke-54 yang berakhir malam semalam.

Tambahnya, institut berkenaan akan menjadi institut yang menganalisis semua idea pemikiran politik mengikut masa.

Jelas Mustapa, ia juga merangkumi pengajian bangsa dan tidak terbatas kepada bangsa Eropah semata-mata malah merangkumi pelbagai bangsa lain di dunia termasuk China, Jepun serta semua tokoh pemikir politik yang lepas dan m&a hadapan.

“Semestinya ia juga akan mengkaji pemikiran politik Dr. Mahathir sejak lebih 22 tahun lalu,” tegasnya.